

Deraf Teks Ucapan
YB Baru Bian
Menteri Kerja Raya Malaysia

Majlis Perasmian Sistem Solar FotoVolta Yang
Pertama di Kawasan Rehat dan Rawat di Malaysia
R&R Machap (Arah Utara)

25 April 2019

Khamis

(Salutation to be advised)

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

1. Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

2. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Mohd Sheriff Mohd Kassim
Pengerusi, PLUS Malaysia Berhad

3. Yang Berbahagia Dato' Sr Aziz Abdullah
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

4. Yang Berbahagia Datuk Azman Ismail
Pengarah Urusan, PLUS Malaysia Berhad

5. Dif-dif jemputan

6. Rakan-rakan media massa

7. Hadirin yang saya hormati sekalian

Salam sejahtera dan selamat pagi,

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak PLUS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia kerana telah mengundang saya untuk melancarkan Sistem Solar FotoVolta Yang Pertama di Kawasan Rehat dan Rawat di Malaysia di lebuhraya PLUS pada hari ini.
2. Sistem Solar FotoVolta yang pertama di R&R Machap Arah Utara ini sudah pastinya menjadi satu lagi peristiwa yang bersejarah buat PLUS, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Kementerian Kerja Raya khususnya kerana selari dengan hasrat dan menyokong saranan Kerajaan untuk memulihara alam sekitar melalui penggunaan tenaga solar.
3. Saya percaya, Sistem Solar FotoVolta yang pertama di kawasan rehat dan rawat ini akan memberi manfaat kepada pengunjung di kawasan rehat dan rawat ini dan pengguna lebuhraya secara amnya.

4. Saya dimaklumkan bahawa Sistem Solar FotoVolta di R&R Machap Arah Utara ini merupakan projek perintis yang dijalankan oleh PLUS dalam rangka membangunkan solar sebagai salah satu inisiatif untuk memperluaskan Agenda Hijau Negara.

5. Sebelum ini, saya juga difahamkan bahawa PLUS telah melancarkan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik berasaskan tenaga solar yang pertama di Malaysia yang terdapat di Restoran Jejantas Ayer Keroh Arah Selatan pada Disember tahun lalu. Syabas saya ucapkan kepada PLUS dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia.

CIRI-CIRI ISTIMEWA SISTEM SOLAR FOTOVOLTA

Hadirin yang dihormati sekalian.

6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian. R&R Machap Arah Utara adalah istimewa kerana ia merupakan satu-satunya kawasan rehat dan rawat di lebuh raya PLUS yang berkonsep tertutup dengan kemudahan sistem penghawa dingin bagi memberi keselesaan kepada pengguna.

7. Namun begitu, kami dapati bahawa penggunaan tenaga elektrik telah meningkat dengan drastik menjadikan kawasan rehat ini antara 5 R&R yang tertinggi dari segi penggunaan tenaga elektrik di antara R&R di lebuhraya PLUS.

8. Pihak PLUS telah menjalankan kajian dan mencadangkan penyelesaian menerusi penggunaan Sistem Solar Fotovolta di R&R ini. Panel solar ini telah dipasang diatas beberapa bahagian bumbung iaitu di dewan makan berkapasiti 54.72 kilowattpeak, laluan pejalan kaki berkapasiti 55.44 kilowattpeak dan kawasan parkir bas berkapasiti 72 kilowattpeak menjadikan jumlah keseluruhan sistem ini direka berkapasiti sebanyak 182 kilowattpeak.

9. Di samping dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, sistem ini juga dapat memantapkan lagi kecekapan operasi. Sejak sistem solar ini digunakan pada bulan Oktober tahun lalu, ia berjaya mencatat penjimatan tenaga elektrik sebanyak 51 peratus dapat dinikmati hasil dari penggunaan tenaga pada waktu siang di R&R ini.

10. Sistem Solar Fotovolta yang dijanakan oleh sumber semulajadi ini lebih mesra alam kerana secara langsung ia juga dapat mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida seterusnya membantu mengurangkan tahap penipisan lapisan ozon. Sejak Oktober tahun lalu, penggunaan sistem solar fotovolta ini telah mencatatkan pengurangan pelepasan gas karbon dioksida sebanyak 77 metrik ton. Menerusi pengurangan unsur-unsur ini, kita bakal menikmati udara yang lebih segar, bersih dan lebih sihat serta dapat memelihara alam sekitar dalam jangka masa panjang.

CABARAN DAN HARAPAN

Pada hadirin sekalian

11. Berasaskan konsep dan prinsip pembangunan lestari secara berterusan, saya percaya pelbagai langkah dan inisiatif perlu diambil oleh semua pihak dalam usaha untuk mengekalkan kemampuan Teknologi Hijau agar dapat memberi manfaat jangka panjang kepada semua pengguna lebuah raya.

12. Saya juga menyeru kepada syarikat konsesi lebuhraya yang lain untuk sama-sama mencuba membangunkan teknologi hijau di lebuhraya masing-masing agar kita sama-sama dapat membantu melestarikan alam sekitar dengan lebih luas untuk manfaat bersama.

13. Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia juga melahirkan sokongan kami terhadap usaha-usaha yang telah dijalankan oleh PLUS untuk meningkatkan tahap serta kualiti perkhidmatan lebuhraya kepada rakyat.

14. Pada minggu lalu, PLUS telah menganjurkan Persidangan dan Program Insentif Rakan Niaga PLUS bagi membuktikan komitmen PLUS untuk terus mengorak langkah memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna lebuhraya pada masa yang akan datang.

15. Saya juga mengalu-alukan langkah PLUS membawa masuk lebih banyak jenama antarabangsa yang terkenal di negara ini untuk membuka perniagaan di R&R. Langkah ini adalah berani dan tepat dalam menambah kepelbagaian kepada para pengguna lebuhraya,

tanpa mengetepikan menu – menu asal yang masih di minati ramai.
Syabas saya ucapkan kepada PLUS.

16. Saya berasa gembira di atas inisiatif yang dijalankan oleh PLUS dalam memberi lebih banyak pilihan makanan di kawasan RnRnya. Namun begitu, saya juga ingin menyarankan agar PLUS sentiasa memastikan harga yang ditawarkan di kawasan RnR adalah berpatutan dan mampu untuk pengguna lebuh raya.

17. PLUS yang memiliki kepakaran dan pengalaman lebih daripada 30 tahun telah berkembang sebagai sebuah institusi pengurusan lebuh raya yang matang dan sering menjadi rujukan kepada pengendali lebuh raya yang lain di negara ini dan juga di luar negara.

18. Projek-projek infrastruktur dan fasiliti rakyat sememangnya memerlukan perbelanjaan yang amat besar. Kemudahan-kemudahan ini memerlukan bajet yang besar bukan sahaja untuk dibina, tetapi yang paling utama, untuk diselenggara bagi membolehkan ia digunakan dengan selamat dan selesa oleh orang ramai.

19. Walaupun secara sepintas lalu, kita dapati kos untuk membangunkan sistem ini lebih tinggi, namun secara langsung mampu memberi pulangan yang berlipat ganda kepada negara kerana dapat memulihara alam sekitar yang semakin terancam.

20. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyarankan agar syarikat konsesi lebuhraya sentiasa memberi perhatian yang lebih serius terhadap perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah kepada pengguna lebuhraya.

21. Ini bagi memberikan tahap perkhidmatan yang lebih memuaskan hati seterusnya dapat mengurangkan rungutan daripada pengguna lebuhraya. Sentiasalah mencari jalan penyelesaian dan pendekatan yang terbaik agar rungutan-rungutan daripada pengguna lebuhraya dapat dikurangkan. Harus diingat, pengguna lebuhraya berhak mendapat perkhidmatan yang terbaik setiap kali mereka menggunakan lebuhraya.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati

22. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PLUS dan Lembaga Lebuhraya Malaysia kerana berjaya merealisasikan Sistem Solar FotoVolta yang pertama di Kawasan Rehat dan Rawat di Malaysia. Kejayaan ini merupakan sesuatu pencapaian yang perlu dibanggakan dan diperluaskan lagi.

23. Saya juga menyeru kepada semua agar dapat bekerjasama dengan Kerajaan dalam mengorak langkah ke arah pembangunan yang lebih hijau dan mampan, seterusnya merealisasikan wawasan ke arah mencapai status negara maju dan hijau.

24. Ini juga membuktikan bahawa kerjasama antara pihak Kerajaan dan Swasta perlu bergerak seiring bagi memberi manfaat kepada rakyat.

25. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Sistem Solar FotoVolta yang pertama di kawasan rehat dan rawat PLUS pada hari ini.

Sekian, terima kasih.